

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 29 Oktober 2014 (Rabu)**

**SOALAN :**

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan. Adakah YAB Perdana Menteri berhasrat menunaikan janji yang dibuat pada tahun 2012.**

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ**  
**KAWASAN : JERLUN**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ (JERLUN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah kesediaan pengguna dan syarikat konsesi tol bagi cadangan pelaksanaan kutipan tol melalui sistem elektronik sepenuhnya dan bilakah sistem ini mampu dijalankan bagi mempercepatkan urusan pembayaran tol sekali gus mampu mengurangkan kadar kesesakan di plaza tol.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mensasarkan tahun 2020 untuk melaksanakan kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya di semua plaza tol di lebuhraya negara ini.

Tujuan peralihan daripada transaksi tunai kepada elektronik ini ialah untuk mengurangkan masa menunggu kepada pengguna sekaligus mengurangkan masalah kesesakan trafik yang sering berlaku di plaza-plaza tol. Di samping itu, kaedah kutipan tol secara elektronik ini akan memudahkan syarikat-syarikat konsesi untuk melaksanakan program rebat atau diskaun tol. Ini dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pengguna lebuhraya.

Pada masa kini pihak konsesi telah diarah untuk menggiatkan sesi penerangan secara menyeluruh kepada para pengguna sebelum Kerajaan melaksanakan dasar ETC sepenuhnya. Di samping itu, pihak konsesi juga sedang mengatur pelbagai program untuk mempromosikan penggunaan ETC kepada pengguna, seperti cadangan pemberian rebat tunai yang lebih menarik seperti program "PLUSMiles" yang telah dilaksanakan oleh konsesi PLUS Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memantau kecenderungan penggunaan ETC di semua lebuhraya menerusi

penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) kementerian ini pada setiap tahun. Pada tahun 2013, penggunaan ETC secara keseluruhan telah mencapai tahap penggunaan sekitar 59%. Pada masa kini terdapat 5 plaza tol telah melaksanakan kaedah ETC sepenuhnya, iaitu di Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan Plaza Tol Kempas; dan 3 lagi plaza tol di laluan Lebuhraya LINKEDUA Malaysia – Singapura.

Sekian. Terima kasih.